

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2000/2001**

**FEBRUARI/MAC 2001**

**RPK 343 – ASPEK SOSIAL DALAM PERANCANGAN**

**Masa: 3 jam**

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan.

**BAHAGIAN A ( Soalan WAJIB )**

1. “Bagi menilai kualiti hidup secara yang menyeluruh, adalah baik jika kedua-dua petunjuk yang berbentuk objektif dan subjektif dapat digunakan”.

(Unit Perancang Ekonomi 1999 Kualiti Hidup Malaysia)

- a) Huraikan konsep petunjuk yang dimaksudkan seperti di atas dan bezakan isu dan masalah penggunaan petunjuk-petunjuk objektif dan subjektif.

**( 20 MARKAH )**

- b) Bincangkan bagaimana melalui petunjuk bandar (urban indicators) kualiti hidup boleh dipertingkatkan.

**( 20 MARKAH )**

**( 40 MARKAH )**

## **BAHAGIAN B**

**( Jawab TIGA soalan sahaja )**

2. Pembangunan komuniti selalunya difahamkan dalam konteks pembangunan luar bandar. Kini beberapa projek pembangunan bandar memerlukan kaedah pembangunan komuniti. Bincangkan.

**( 20 MARKAH )**

3. ‘Rancangan-rancangan ekonomi akan gagal sekiranya tidak memberi tumpuan kepada faktor manusia’. (Apthorpe, 1970).

Huraikan pandangan ini.

**( 20 MARKAH )**

4. Pertimbangan wajar terhadap aspek alam sekitar tergantung kepada tumpuan dan penekanan realistik yang diberi terhadap dimensi alam sekitar yang tersirat dalam falsafah dan konsep pembangunan sesebuah negara.

Sila komen.

**( 20 MARKAH )**

5. Asasnya, konsep ‘sosial’ dalam perancangan dan pembangunan adalah penting ditafsirkan dengan betul dan tepat. Nyatakan perbezaan dan persamaan di antara ‘aspek sosial’ dan ‘perancangan sosial’

**( 20 MARKAH )**